

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HIT 402 Sains Di Dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan dari mana-mana Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Setiap jawapan hendaklah diikat secara berasingan


BAHAGIAN A

1. Manusia kini amat berbangga dengan rekaan-rekaan dan penemuan-penemuan baru dalam pelbagai bidang kebendaan, namun ia dikatakan masih gagal dalam pembangunan manusia seutuhnya. Ini menyebabkan kemajuan yang wujud sekarang tidak seimbang dan menghadapi pelbagai masalah yang serius. Bincangkan persoalan ini secara kritis berdasarkan pengaruh pandangan hidup sekular serta bandingkannya dengan kesan-kesan sebaliknya yang boleh diharapkan daripada pandangan hidup Islam.
2. Al-Qur'an ada menyentuh tentang fenomena-fenomena alam semesta secara tepat dan tidak dapat disangkal oleh perkembangan sains moden. Pilih salah satu daripada fenomena-fenomena tersebut dan bincangkan secara saintifik.
3. Isikan tempat yang masih kosong dalam gambar rajah yang disediakan bersama ini. Kemudian berdasarkan gambar rajah itu, beza dan bandingkan antara sains dalam Islam dan sains sekular dengan penekanan khusus kepada tiga persoalan pokok yang mewarnai sains dan teknologi zaman berzaman.

.../GAMBAR RAJAH

.../2

GAMBAR RAJAH



4. Huraikan tiga tokoh kuno dalam bidang sains serta jelaskan pertautan antara sains dalam tamaddun Barat dan sains dalam tamaddun Islam hasil dari sumbangan tokoh-tokoh itu. Kemudian jelaskan peranan Ionia di dalam kedua-dua tamaddun itu.

BAHAGIAN B

5. Bahaskan mengenai konsep penjadian dan penciptaan insan dan kosmos dari pemerhatian evolusionisme dan pandangan Islam.
6. Bincangkan salah satu isu tekonologi pembiakan dan nyatakan kesan dan implikasi teknologi tersebut terhadap masyarakat Islam.
7. Bincangkan dampak industri kimia ke atas alam sekitar dan apakah penyelesaiannya dari sudut Islam.